



31 Disember 2025  
31 December 2025  
P.U. (A) 475

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PASARAN MODAL DAN  
PERKHIDMATAN (FI) 2025

*CAPITAL MARKETS AND SERVICES (FEES)  
REGULATIONS 2025*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007

PERATURAN-PERATURAN PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN (FI) 2025

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 378(2)(b) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*], Suruhanjaya, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Fi) 2025**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2026.

**Am**

2. (1) Tertakluk kepada subperaturan (3), semua fi yang dibayar menurut Peraturan-Peraturan ini tidak boleh dibayar balik.

(2) Melainkan jika diperuntukkan secara khusus dalam Peraturan-Peraturan ini, fi yang kena dibayar bagi—

(a) apa-apa permohonan kepada Suruhanjaya ialah RM2,000.00; dan

(b) apa-apa pendepositan atau penyerahsimpanan suatu dokumen dengan, atau pendaftaran suatu dokumen oleh, atau pengemukaan suatu dokumen kepada, Suruhanjaya, ialah RM3,000.00.

(3) Suruhanjaya boleh, atas suatu permohonan atau atas inisiatifnya sendiri, mengurangkan, mengetepikan atau membayar balik apa-apa fi yang kena dibayar oleh mana-mana orang atau kelas orang tertakluk kepada terma dan syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

**Fi bagi tindakan Suruhanjaya**

3. (1) Melainkan jika ditentukan sebaliknya oleh Suruhanjaya, fi yang kena dibayar kepada Suruhanjaya di bawah Peraturan-Peraturan ini berkenaan dengan pendepositan atau penyerahsimpanan suatu dokumen dengan, atau pendaftaran suatu dokumen oleh, Suruhanjaya, atau berkenaan dengan apa-apa permohonan bagi lesen, pendaftaran, kelulusan, kebenaran atau pengiktirafan, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah dibayar pada masa dokumen itu dihantar serah kepada Suruhanjaya bagi pendepositan, penyerahsimpanan atau pendaftaran atau pada masa permohonan bagi lesen, pendaftaran, kelulusan, kebenaran atau pengiktirafan itu dikemukakan kepada Suruhanjaya.

(2) Jika suatu fi tidak dibayar mengikut cara yang dinyatakan dalam subperaturan (1)—

(a) apa-apa dokumen yang dihantar serah kepada Suruhanjaya hendaklah disifatkan tidak didepositkan, diserahkan atau dikemukakan bagi pendaftaran; atau

(b) apa-apa permohonan bagi lesen, pendaftaran, kelulusan, kebenaran atau pengiktirafan yang dikemukakan kepada Suruhanjaya hendaklah disifatkan tidak dikemukakan oleh pemohon.

**Fi yang kena dibayar berkenaan dengan bursa saham, bursa derivatif, pusat penjelasan, syarikat pemegangan bursa dan pengendali pasaran diiktiraf**

4. Fi yang kena dibayar berkenaan dengan suatu—

(a) bursa saham, bursa derivatif, pusat penjelasan dan syarikat pemegangan bursa adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 1; dan

(b) pengendali pasaran diiktiraf adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 2.

**Fi yang kena dibayar berkenaan dengan orang berlesen, orang berdaftar dan orang lain yang berdaftar dengan Suruhanjaya**

5. (1) Fi yang kena dibayar berkenaan dengan—

(a) suatu Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal dan Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 3;

(b) orang berdaftar di bawah seksyen 76 Akta adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 4;

(c) orang yang didaftarkan di bawah seksyen 76A Akta adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 5; dan

(d) orang yang didaftarkan menurut apa-apa garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 377 Akta adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 6.

(2) Fi yang kena dibayar bagi apa-apa perkara lain di bawah Bahagian III Akta, selain yang dinyatakan dalam perenggan (1)(a) hingga (c), adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 7.

(3) Bagi maksud subperaturan (1) dan (2), Suruhanjaya boleh mengenakan fi bayar lewat bagi fi yang ditetapkan sebagaimana yang dinyatakan seperti yang berikut, pada kadar 8% daripada fi yang ditetapkan itu bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripadanya yang pembayaran itu lewat:

(a) perenggan 7 dan 8 Jadual 3; dan

(b) perenggan 1, 2, 3, 4, 5 dan 31 Bahagian A Jadual 7.

**Fi yang kena dibayar berkeenaan dengan cadangan berhubung dengan sekuriti selain debentur, sukuk, skim unit amanah dan skim pelaburan ditetapkan**

6. Fi yang kena dibayar berkeenaan dengan sekuriti menurut Penggal 1A Bahagian VI Akta, selain debentur, sukuk, skim unit amanah dan skim pelaburan ditetapkan, adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 8.

**Fi yang kena dibayar berkeenaan dengan pengambilalihan, percantuman dan pengambilan paksa**

7. Fi yang kena dibayar berkeenaan dengan pengambilalihan, percantuman dan pengambilan paksa menurut Penggal 2 Bahagian VI Akta adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 9.

**Fi yang kena dibayar berkeenaan dengan prospektus dan memorandum maklumat**

8. Fi yang kena dibayar menurut Penggal 3 Bahagian VI Akta—

(a) berkeenaan dengan pendaftaran prospektus dan dokumen penzahiran, dan pendepositan memorandum maklumat, selain berhubung dengan skim unit amanah dan skim pelaburan ditetapkan, adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 10; dan

(b) berkeenaan dengan pendaftaran prospektus dan pendepositan memorandum maklumat berhubung dengan skim unit amanah dan skim pelaburan ditetapkan adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 11.

**Fi yang kena dibayar berkeenaan dengan amanah perniagaan**

9. Fi yang kena dibayar berkeenaan dengan amanah perniagaan menurut Penggal 1A, 3A dan 3B Bahagian VI Akta, selain pendaftaran prospektus dan pendepositan memorandum maklumat, adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 12.

**Fi yang kena dibayar berkeenaan dengan debentur dan sukuk selain debentur dan sukuk di bawah Rangka Kerja Serah Simpan dan Lancar**

10. Fi yang kena dibayar berkeenaan dengan debentur dan sukuk menurut Penggal 1A, 3A dan 4 Bahagian VI Akta, selain debentur dan sukuk di bawah Rangka Kerja Serah Simpan dan Lancar, adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 13.

**Fi yang kena dibayar berkeenaan dengan skim unit amanah dan skim pelaburan ditetapkan selain amanah perniagaan**

11. Fi yang kena dibayar berkeenaan dengan skim unit amanah dan skim pelaburan ditetapkan menurut Penggal 1, 1A, 3A dan 5 Bahagian VI Akta, selain amanah perniagaan, adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 14.

**Fi yang kena dibayar berkeenaan dengan cadangan yang melibatkan penilaian oleh pakar dan penilaian aset**

12. Fi yang kena dibayar berkeenaan dengan apa-apa cadangan yang disebut dalam seksyen 212 Akta yang melibatkan penilaian oleh pakar dan penilaian aset adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 15.

**Fi yang kena dibayar berkeenaan dengan pendepositan dokumen penzahiran dan penyerahsimpanan helaian maklumat penting produk**

13. Fi yang kena dibayar berkeenaan dengan pendepositan dokumen penzahiran dan penyerahsimpanan helaian maklumat penting produk yang ditentukan oleh Suruhanjaya adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 16.

**Fi yang kena dibayar berkeenaan dengan cadangan dan penyerahsimpanan dokumen dan maklumat di bawah Rangka Kerja Serah Simpan dan Lancar**

14. Fi yang kena dibayar berkeenaan dengan cadangan dan penyerahsimpanan dokumen dan maklumat di bawah Rangka Kerja Serah Simpan dan Lancar adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 17.

**Fi lain yang kena dibayar berkeenaan dengan waran berstruktur**

15. Fi lain yang kena dibayar berkeenaan dengan waran berstruktur adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 18.

**Fi yang kena dibayar berkeenaan dengan skim persaraan swasta**

16. Fi yang kena dibayar berkeenaan dengan skim persaraan swasta adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 19.

**Pembatalan**

17. Peraturan-Peraturan Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Fi) 2012 [*P.U. (A) 483/2012*] dan Peraturan-Peraturan Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Industri Skim Persaraan Swasta) (Fi) 2012 [*P.U. (A) 211/2012*] dibatalkan.

JADUAL 1  
[Perenggan 4(a)]

Fi berkenaan dengan bursa saham, bursa derivatif, pusat penjelasan dan syarikat pemegang bursa

Butiran	(1) Perihal	(2) Fi
1.	Permohonan bagi kelulusan pertubuhan perbadanan sebagai suatu bursa saham atau bursa derivatif di bawah seksyen 8 Akta atau sebagai suatu syarikat pemegang bursa di bawah seksyen 15 Akta	RM100,000.00
2.	Permohonan bagi kelulusan untuk menubuhkan atau mengendalikan suatu pusat penjelasan di bawah seksyen 38 Akta	RM100,000.00
3.	Fi tahunan yang kena dibayar oleh suatu syarikat pemegang bursa yang diluluskan di bawah seksyen 15 Akta	RM28 juta

JADUAL 2  
[Perenggan 4(b)]

Fi berkenaan dengan pengendali pasaran diiktiraf

Butiran	(1) Perihal	(2) Fi
<b>Fi permohonan</b>		
1.	Pendaftaran sebagai pengendali pasaran diiktiraf di bawah seksyen 34 Akta	RM20,000.00 bagi setiap jenis platform yang akan dikendalikan oleh pemohon

Butiran	(1) Perihal	(2) Fi
<b>Fi tahunan</b>		
2.	Yang kena dibayar oleh pengendali pasaran diiktiraf yang tidak didaftarkan sebagai pengendali pertukaran aset digital	<p>(a) 0.3% daripada hasil kasar yang diperoleh daripada mengendalikan platform terkawal itu; atau</p> <p>(b) RM20,000.00,</p> <p>mengikut mana-mana yang lebih tinggi, bagi setiap jenis platform yang pengendali pasaran diiktiraf itu didaftarkan untuk mengendalikannya</p>
3.	<p>Yang kena dibayar oleh pengendali pertukaran aset digital yang—</p> <p>(a) semata-mata dipunyai atau dikawal oleh individu; atau</p> <p>(b) dipunyai atau dikawal oleh satu atau lebih perbadanan yang tidak dikawal selia oleh Suruhanjaya atau suatu badan yang merupakan anggota Pertubuhan Antarabangsa Suruhanjaya Sekuriti</p>	<p>(a) 0.3% daripada hasil kasar yang diperoleh daripada mengendalikan platform terkawal itu; atau</p> <p>(b) RM50,000.00,</p> <p>mengikut mana-mana yang lebih tinggi</p>

Butiran	(1) Perihal	(2) Fi
4.	Yang kena dibayar oleh suatu pengendali pertukaran aset digital yang dipunyai atau dikawal oleh satu atau lebih perbadanan yang dikawal selia oleh Suruhanjaya atau suatu badan yang merupakan anggota Pertubuhan Antarabangsa Suruhanjaya Sekuriti	<p>(a) 0.3% daripada hasil kasar yang diperoleh daripada mengendalikan platform terkawal itu; atau</p> <p>(b) RM20,000.00,</p> <p>mengikut mana-mana yang lebih tinggi</p>
<b>Fi dagangan</b>		
5.	Dagangan sekuriti atau derivatif dalam suatu pasaran diiktiraf	0.0075% daripada jumlah amaun transaksi penjualan dan pembelian sekuriti atau derivatif yang dilaksanakan di setiap jenis platform yang pengendali pasaran diiktiraf itu didaftarkan untuk mengendalikannya bagi tahun itu

JADUAL 3  
[Perenggan 5(1)(a)]

Fi berkenaan dengan Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal dan  
Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal di bawah seksyen 58 dan 59 Akta

Butiran	(1) Perihal	(2) Jenis aktiviti terkawal	(3) Fi
1.	Permohonan bagi Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal (CMSL) baharu	<b>(a) bagi aktiviti terkawal pertama:</b>	
(i) apa-apa jenis berniaga dalam sekuriti selain berniaga dalam sekuriti yang dihadkan kepada sekuriti yang ditentukan;		RM50,000.00	
(ii) apa-apa jenis berniaga dalam derivatif selain berniaga dalam derivatif yang dihadkan;		RM50,000.00	
(iii) apa-apa jenis pengurusan kumpulan wang selain pengurusan portfolio butik;		RM50,000.00	
(iv) pengurusan kumpulan wang (pengurusan portfolio butik);		RM30,000.00	
(v) menasihati kewangan korporat;		RM30,000.00	
(vi) nasihat pelaburan;		RM10,000.00	

Butiran	(1) Perihal	(2) Jenis aktiviti terkawal	(3) Fi
		(vii) perancangan kewangan;	RM10,000.00
		(viii) berniaga dalam skim persaraan swasta;	RM10,000.00
		(ix) apa-apa jenis berniaga dalam sekuriti yang dihadkan kepada sekuriti yang ditentukan;	RM10,000.00
		(x) apa-apa jenis berniaga dalam derivatif yang dihadkan;	RM10,000.00
		(xi) penjelasan bagi sekuriti; atau	RM10,000.00
		(xii) penjelasan bagi derivatif;	RM10,000.00
		<b>(b) bagi apa-apa aktiviti terkawal tambahan (Nota 1):</b>	
		(i) apa-apa jenis berniaga dalam sekuriti selain berniaga dalam sekuriti yang dihadkan kepada sekuriti yang ditentukan;	RM30,000.00

Butiran	(1) Perihal	(2) Jenis aktiviti terkawal	(3) Fi
		(ii) apa-apa jenis berniaga dalam derivatif selain berniaga dalam derivatif yang dihadkan;	RM30,000.00
		(iii) apa-apa jenis pengurusan kumpulan wang;	RM30,000.00
		(iv) menasihati kewangan korporat;	RM30,000.00
		(v) nasihat pelaburan;	RM10,000.00
		(vi) perancangan kewangan;	RM10,000.00
		(vii) berniaga dalam skim persaraan swasta;	RM10,000.00
		(viii) penjelasan bagi sekuriti;	RM10,000.00
		(ix) penjelasan bagi derivatif;	RM10,000.00
		(x) apa-apa jenis berniaga dalam sekuriti yang dihadkan kepada sekuriti yang ditentukan; atau	RM10,000.00
		(xi) apa-apa jenis berniaga dalam derivatif yang dihadkan;	RM10,000.00

Butiran	(1) Perihal	(2) Jenis aktiviti terkawal	(3) Fi
		<p><b>(c) walau apa pun subbutiran (a) dan (b), fi yang kena dibayar bagi suatu permohonan bagi lesen bagi perancangan kewangan bersama-sama—</b></p> <p><b>(i) berniaga dalam sekuriti yang dihadkan kepada unit amanah;</b></p> <p><b>(ii) berniaga dalam skim persaraan swasta; atau</b></p> <p><b>(iii) berniaga dalam sekuriti yang dihadkan kepada unit amanah dan berniaga dalam skim persaraan swasta,</b></p> <p><b>ialah RM10,000.00.</b></p>	
2.	Permohonan bagi Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal (CMSRL) baharu	Semua jenis aktiviti terkawal	RM1,000.00 setiap individu
3.	Permohonan bagi perubahan aktiviti terkawal oleh pemegang CMSL sedia ada: Penambahan selanjutnya aktiviti terkawal	<b>(a) dalam hal pemegang CMSL sedia ada bagi berniaga dalam sekuriti, selain berniaga dalam sekuriti yang dihadkan kepada sekuriti yang ditentukan, atau berniaga dalam derivatif, selain berniaga dalam derivatif yang dihadkan, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang memohon bagi mana-mana aktiviti terkawal tambahan yang berikut:</b>	

Butiran	(1) Perihal	(2) Jenis aktiviti terkawal	(3) Fi
		(i) apa-apa jenis berniaga dalam sekuriti selain berniaga dalam sekuriti yang dihadkan kepada sekuriti yang ditentukan;	RM30,000.00
		(ii) apa-apa jenis berniaga dalam derivatif selain berniaga dalam derivatif yang dihadkan;	RM30,000.00
		(iii) apa-apa jenis pengurusan kumpulan wang;	RM30,000.00
		(iv) menasihati kewangan korporat;	RM30,000.00
		(v) apa-apa jenis berniaga dalam sekuriti yang dihadkan kepada sekuriti yang ditentukan;	RM10,000.00
		(vi) apa-apa jenis berniaga dalam derivatif yang dihadkan;	RM10,000.00
		(vii) nasihat pelaburan;	RM10,000.00
		(viii) perancangan kewangan;	RM10,000.00

Butiran	(1) Perihal	(2) Jenis aktiviti terkawal	(3) Fi
		(ix) berniaga dalam skim persaraan swasta;	RM10,000.00
		(x) penjelasan bagi sekuriti; atau	RM10,000.00
		(xi) penjelasan bagi derivatif;	RM10,000.00
		<b>(b) dalam hal pemegang CMSL sedia ada bagi menasihati kewangan korporat yang memohon bagi mana-mana aktiviti terkawal tambahan yang berikut:</b>	
		(i) apa-apa jenis berniaga dalam sekuriti selain berniaga dalam sekuriti yang dihadkan kepada sekuriti yang ditentukan;	RM35,000.00
		(ii) apa-apa jenis berniaga dalam derivatif selain berniaga dalam derivatif yang dihadkan;	RM35,000.00
		(iii) apa-apa jenis pengurusan kumpulan wang selain pengurusan portfolio butik;	RM35,000.00
		(iv) pengurusan kumpulan wang (pengurusan portfolio butik);	RM30,000.00

Butiran	(1) Perihal	(2) Jenis aktiviti terkawal	(3) Fi
		(v) apa-apa jenis berniaga dalam sekuriti yang dihadkan kepada sekuriti yang ditentukan;	RM10,000.00
		(vi) apa-apa jenis berniaga dalam derivatif yang dihadkan;	RM10,000.00
		(vii) nasihat pelaburan;	RM10,000.00
		(viii) perancangan kewangan;	RM10,000.00
		(ix) berniaga dalam skim persaraan swasta;	RM10,000.00
		(x) penjelasan bagi sekuriti; atau	RM10,000.00
		(xi) penjelasan bagi derivatif;	RM10,000.00
		<b>(c) dalam hal pemegang CMSL sedia ada bagi apa-apa jenis pengurusan kumpulan wang, selain pengurusan portfolio butik dan pengurusan pelaburan digital, yang memohon bagi mana-mana aktiviti terkawal tambahan yang berikut:</b>	
		(i) apa-apa jenis berniaga dalam sekuriti selain berniaga dalam sekuriti yang dihadkan kepada sekuriti yang ditentukan;	RM30,000.00

Butiran	(1) Perihal	(2) Jenis aktiviti terkawal	(3) Fi
		(ii) apa-apa jenis berniaga dalam derivatif selain berniaga dalam derivatif yang dihadkan;	RM30,000.00
		(iii) apa-apa jenis pengurusan kumpulan wang yang lain;	RM30,000.00
		(iv) menasihati kewangan korporat;	RM30,000.00
		(v) apa-apa jenis berniaga dalam sekuriti yang dihadkan kepada sekuriti yang ditentukan;	RM10,000.00
		(vi) apa-apa jenis berniaga dalam derivatif yang dihadkan;	RM10,000.00
		(vii) nasihat pelaburan;	RM10,000.00
		(viii) perancangan kewangan;	RM10,000.00
		(ix) berniaga dalam skim persaraan swasta;	RM10,000.00
		(x) penjelasan bagi sekuriti; atau	RM10,000.00
		(xi) penjelasan bagi derivatif;	RM10,000.00

Butiran	(1) Perihal	(2) Jenis aktiviti terkawal	(3) Fi
		<b>(d) dalam hal pemegang CMSL sedia ada bagi pengurusan kumpulan wang (pengurusan portfolio butik) yang memohon bagi mana-mana aktiviti terkawal tambahan yang berikut:</b>	
		(i) apa-apa jenis berniaga dalam sekuriti selain berniaga dalam sekuriti yang dihadkan kepada sekuriti yang ditentukan;	RM35,000.00
		(ii) apa-apa jenis berniaga dalam derivatif selain berniaga dalam derivatif yang dihadkan;	RM35,000.00
		(iii) apa-apa jenis pengurusan kumpulan wang yang lain;	RM35,000.00
		(iv) menasihati kewangan korporat;	RM30,000.00
		(v) apa-apa jenis berniaga dalam sekuriti yang dihadkan kepada sekuriti yang ditentukan;	RM10,000.00
		(vi) apa-apa jenis berniaga dalam derivatif yang dihadkan;	RM10,000.00
		(vii) nasihat pelaburan;	RM10,000.00

Butiran	(1) Perihal	(2) Jenis aktiviti terkawal	(3) Fi
		(viii) perancangan kewangan;	RM10,000.00
		(ix) berniaga dalam skim persaraan swasta;	RM10,000.00
		(x) penjelasan bagi sekuriti; atau	RM10,000.00
		(xi) penjelasan bagi derivatif;	RM10,000.00
		<b>(e) dalam hal pemegang CMSL sedia ada bagi pengurusan kumpulan wang (pengurusan pelaburan digital) yang memohon bagi mana-mana aktiviti terkawal tambahan yang berikut:</b>	
		(i) apa-apa jenis berniaga dalam sekuriti selain berniaga dalam sekuriti yang dihadkan kepada sekuriti yang ditentukan;	RM30,000.00
		(ii) apa-apa jenis berniaga dalam derivatif selain berniaga dalam derivatif yang dihadkan;	RM30,000.00
		(iii) apa-apa jenis pengurusan kumpulan wang yang lain;	RM30,000.00
		(iv) menasihati kewangan korporat;	RM30,000.00

Butiran	(1) Perihal	(2) Jenis aktiviti terkawal	(3) Fi
		(v) apa-apa jenis berniaga dalam sekuriti yang dihadkan kepada sekuriti yang ditentukan;	RM10,000.00
		(vi) apa-apa jenis berniaga dalam derivatif yang dihadkan;	RM10,000.00
		(vii) nasihat pelaburan;	RM10,000.00
		(viii) perancangan kewangan;	RM10,000.00
		(ix) berniaga dalam skim persaraan swasta;	RM10,000.00
		(x) penjelasan bagi sekuriti; atau	RM10,000.00
		(xi) penjelasan bagi derivatif;	RM10,000.00
		<p><b>(f) dalam hal pemegang CMSL sedia ada bagi mana-mana satu atau gabungan aktiviti terkawal yang berikut:</b></p> <p><b>(i) apa-apa jenis berniaga dalam sekuriti yang dihadkan kepada sekuriti yang ditentukan atau berniaga dalam derivatif yang dihadkan;</b></p>	

Butiran	(1) Perihal	(2) Jenis aktiviti terkawal	(3) Fi
		<p><b>(ii) nasihat pelaburan;</b></p> <p><b>(iii) berniaga dalam skim persaraan swasta; atau</b></p> <p><b>(iv) penjelasan bagi sekuriti atau derivatif atau kedua-duanya,</b></p> <p><b>yang memohon bagi mana-mana aktiviti terkawal tambahan yang berikut:</b></p>	
		(i) apa-apa jenis berniaga dalam sekuriti selain berniaga dalam sekuriti yang dihadkan kepada sekuriti yang ditentukan;	RM35,000.00
		(ii) apa-apa jenis berniaga dalam derivatif selain berniaga dalam derivatif yang dihadkan;	RM35,000.00
		(iii) apa-apa jenis pengurusan kumpulan wang selain pengurusan portfolio butik;	RM35,000.00
		(iv) pengurusan kumpulan wang (pengurusan portfolio butik);	RM30,000.00

Butiran	(1) Perihal	(2) Jenis aktiviti terkawal	(3) Fi
		(v) menasihati kewangan korporat;	RM30,000.00
		(vi) apa-apa jenis berniaga dalam sekuriti yang dihadkan kepada sekuriti yang ditentukan;	RM10,000.00
		(vii) apa-apa jenis berniaga dalam derivatif yang dihadkan;	RM10,000.00
		(viii) nasihat pelaburan;	RM10,000.00
		(ix) perancangan kewangan;	RM10,000.00
		(x) berniaga dalam skim persaraan swasta;	RM10,000.00
		(xi) penjelasan bagi sekuriti; atau	RM10,000.00
		(xii) penjelasan bagi derivatif;	RM10,000.00
		Bagi maksud subbutiran (a) hingga (f), dalam hal pemegang CMSL sedia ada yang memohon untuk menambah aktiviti terkawal perancangan kewangan bersama-sama berniaga dalam sekuriti yang dihadkan kepada unit amanah atau berniaga dalam skim persaraan swasta, atau kedua-duanya, fi yang kena dibayar ialah RM10,000.00.	

Butiran	(1) Perihal	(2) Jenis aktiviti terkawal	(3) Fi
		<b>(g) dalam hal jika pemegang CMSL sedia ada semata-mata bagi perancangan kewangan yang memohon bagi mana-mana aktiviti terkawal tambahan yang berikut:</b>	
		(i) apa-apa jenis berniaga dalam sekuriti selain berniaga dalam sekuriti yang dihadkan kepada sekuriti yang ditentukan;	RM35,000.00
		(ii) apa-apa jenis berniaga dalam derivatif selain berniaga dalam derivatif yang dihadkan;	RM35,000.00
		(iii) apa-apa jenis pengurusan kumpulan wang selain pengurusan portfolio butik;	RM35,000.00
		(iv) pengurusan kumpulan wang (pengurusan portfolio butik);	RM30,000.00
		(v) menasihati kewangan korporat;	RM30,000.00
		(vi) apa-apa jenis berniaga dalam sekuriti yang dihadkan kepada sekuriti yang ditentukan;	RM10,000.00

Butiran	(1) Perihal	(2) Jenis aktiviti terkawal	(3) Fi
		(vii) berniaga dalam skim persaraan swasta;	RM5,000.00
		(viii) berniaga dalam sekuriti yang dihadkan kepada unit amanah dan berniaga dalam skim persaraan swasta (dimohon bersekali);	RM10,000.00
		(ix) apa-apa jenis berniaga dalam derivatif yang dihadkan;	RM10,000.00
		(x) nasihat pelaburan;	RM10,000.00
		(xi) penjelasan bagi sekuriti; atau	RM10,000.00
		(xii) penjelasan bagi derivatif;	RM10,000.00
		<b>(h) dalam hal apa-apa perubahan lain yang berikut:</b>	
		(i) CMSL sedia ada bagi pengurusan kumpulan wang (pengurusan portfolio butik) untuk diubahkan kepada pengurusan kumpulan wang berhubung dengan	RM5,000.00

Butiran	(1) Perihal	(2) Jenis aktiviti terkawal	(3) Fi
		pengurusan portfolio dan sebaliknya;	
		(ii) CMSL sedia ada bagi pengurusan kumpulan wang untuk diubahkan kepada pengurusan kumpulan wang Islam dan sebaliknya; atau	RM5,000.00
		(iii) apa-apa pengubahan lain yang tidak dinyatakan dalam subsubbutiran (i) dan (ii).	RM5,000.00
4.	Permohonan bagi pengubahan aktiviti terkawal oleh pemegang CMSRL sedia ada: Penambahan selanjutnya aktiviti terkawal	Semua jenis aktiviti terkawal	RM1,000.00 setiap permohonan
5.	Permohonan bagi pengubahan aktiviti terkawal oleh pemegang CMSL sedia ada: Pemberhentian aktiviti terkawal	Semua jenis aktiviti terkawal	RM500.00 setiap permohonan

Butiran	(1) Perihal	(2) Jenis aktiviti terkawal	(3) Fi
6.	Permohonan bagi perubahan aktiviti terkawal oleh pemegang CMSRL sedia ada: Pemberhentian aktiviti terkawal	Semua jenis aktiviti terkawal	RM500.00 setiap permohonan
7.	Fi tahunan yang kena dibayar oleh pemegang CMSL (Nota 2)	<i>(a)</i> apa-apa jenis berniaga dalam sekuriti, kecuali CMSL semata-mata bagi berniaga dalam sekuriti yang dihadkan kepada unit amanah;	(i) 1.5% daripada hasil kasar yang diperoleh daripada aktiviti terkawal itu; atau  (ii) RM20,000.00, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.
		<i>(b)</i> apa-apa jenis berniaga dalam derivatif, kecuali CMSL semata-mata bagi berniaga dalam derivatif yang dihadkan kepada kontrak bagi perbezaan;	(i) 1.5% daripada hasil kasar yang diperoleh daripada aktiviti terkawal itu; atau  (ii) RM20,000.00, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.
		<i>(c)</i> menasihati kewangan korporat;	(i) 1.5% daripada hasil kasar yang diperoleh

Butiran	(1) Perihal	(2) Jenis aktiviti terkawal	(3) Fi
			<p>daripada aktiviti terkawal itu; atau</p> <p>(ii) RM20,000.00,</p> <p>mengikut mana-mana yang lebih tinggi.</p>
		<p>(d) pengurusan kumpulan wang selain pengurusan kumpulan wang berhubung dengan amanah pelaburan hartanah atau amanah perniagaan;</p>	<p>(i) jumlah fi yang kena dibayar bagi setiap jenis kumpulan wang di bawah pengurusannya termasuk mandat persendirian, mengikut mana-mana yang berkenaan, dikira berdasarkan formula yang berikut:</p> <p><b>(A)</b> bagi kumpulan wang ekuiti:</p> <p>jumlah nilai aset bersih di bawah pengurusan,</p>

Butiran	(1) Perihal	(2) Jenis aktiviti terkawal	(3) Fi
			<p>dikira pada akhir setiap hari berurus niaga tahun itu, dibahagikan dengan bilangan hari berurus niaga tahun itu x 0.0125%;</p> <p><b>(B)</b> bagi pendapatan tetap, aset bercampur dan apa-apa kumpulan wang yang lain:</p> <p>jumlah nilai aset bersih di bawah pengurusan, dikira pada akhir setiap hari berurus niaga tahun itu,</p>

Butiran	(1) Perihal	(2) Jenis aktiviti terkawal	(3) Fi
			<p>dibahagikan dengan bilangan hari berurus niaga tahun itu x 0.01%;</p> <p><b>(C)</b> bagi kumpulan wang pasaran wang:</p> <p>jumlah nilai aset bersih di bawah pengurusan, dikira pada akhir setiap hari berurus niaga tahun itu, dibahagikan dengan bilangan hari berurus niaga tahun itu x 0.0025%;</p>

Butiran	(1) Perihal	(2) Jenis aktiviti terkawal	(3) Fi
			<p><b>(D)</b> bagi mandat persendirian:</p> <p>jumlah nilai aset bersih di bawah pengurusan, dikira pada akhir setiap hari berurus niaga tahun itu, dibahagikan dengan bilangan hari berurus niaga tahun itu x 0.0025%; atau</p> <p>(ii) RM20,000.00, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.</p>
		(e) pengurusan kumpulan wang berhubung dengan amanah pelaburan hartanah atau amanah perniagaan;	(i) 0.3% daripada hasil kasar yang diperolehi daripada aktiviti terkawal itu; atau

Butiran	(1) Perihal	(2) Jenis aktiviti terkawal	(3) Fi
			(ii) RM20,000.00,  mengikut mana-mana yang lebih tinggi.
		<i>(f)</i> nasihat pelaburan;	RM20,000.00
		<i>(g)</i> perancangan kewangan;	RM10,000.00
		<i>(h)</i> berniaga dalam skim persaraan swasta:	
		(i) dalam hal CMSL semata-mata bagi berniaga dalam skim persaraan swasta;	RM10,000.00
		(ii) dalam hal jika pemegang CMSL itu juga menjalankan berniaga dalam sekuriti yang dihadkan kepada unit amanah;	RM20,000.00
		(iii) dalam hal jika pemegang CMSL itu juga menjalankan apa-apa jenis pengurusan kumpulan wang atau perancangan kewangan atau kedua-duanya; atau	Fi tahunan yang kena dibayar bagi apa-apa jenis pengurusan kumpulan wang atau perancangan kewangan atau kedua-duanya, mengikut mana-mana yang berkenaan

Butiran	(1) Perihal	(2) Jenis aktiviti terkawal	(3) Fi
		(iv) dalam hal jika pemegang CMSL itu juga menjalankan apa-apa jenis aktiviti terkawal yang lain selain daripada yang dinyatakan dalam subsubbutiran (ii) dan (iii);	RM10,000.00 + fi tahunan yang kena dibayar bagi setiap jenis aktiviti terkawal yang lain sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual ini
		(i) berniaga dalam sekuriti yang dihadkan kepada unit amanah:	
		(i) dalam hal jika pemegang CMSL itu semata-mata memegang lesen untuk berniaga dalam sekuriti yang dihadkan kepada unit amanah;	RM10,000.00
		(ii) dalam hal jika pemegang CMSL itu juga menjalankan berniaga dalam skim persaraan swasta;	RM20,000.00
		(iii) dalam hal jika pemegang CMSL itu juga menjalankan apa-apa jenis pengurusan kumpulan wang atau perancangan	Fi tahunan yang kena dibayar bagi apa-apa jenis pengurusan kumpulan wang atau perancangan kewangan atau

Butiran	(1) Perihal	(2) Jenis aktiviti terkawal	(3) Fi
		kewangan atau kedua-duanya; atau	kedua-duanya, mengikut mana-mana yang berkenaan
		(iv) dalam hal jika pemegang CMSL itu juga menjalankan apa-apa jenis aktiviti terkawal yang lain selain daripada yang dinyatakan dalam subsubbutiran (ii) dan (iii);	RM10,000.00 + fi tahunan yang kena dibayar bagi setiap jenis aktiviti terkawal yang lain sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual ini
		<i>(j)</i> berniaga dalam derivatif yang dihadkan kepada kontrak bagi perbezaan:	
		(i) dalam hal jika pemegang CMSL itu semata-mata memegang lesen bagi berniaga dalam derivatif yang dihadkan kepada kontrak bagi perbezaan;	RM10,000.00
		(ii) dalam hal jika pemegang CMSL itu juga menjalankan berniaga dalam derivatif; atau	Fi tahunan yang kena dibayar bagi berniaga dalam derivatif

Butiran	(1) Perihal	(2) Jenis aktiviti terkawal	(3) Fi
		(iii) dalam hal jika pemegang CMSL itu juga menjalankan apa-apa jenis aktiviti terkawal yang lain selain daripada yang dinyatakan dalam subsubbutiran (ii);	RM10,000.00 + fi tahunan yang kena dibayar bagi setiap jenis aktiviti terkawal yang lain sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual ini
		<i>(k)</i> penjelasan bagi sekuriti atau derivatif atau kedua-duanya:	
		(i) dalam hal jika pemegang CMSL itu semata-mata memegang lesen bagi penjelasan bagi sekuriti atau derivatif atau kedua-duanya;	RM10,000.00
		(ii) dalam hal jika pemegang CMSL itu juga berniaga dalam sekuriti atau berniaga dalam derivatif atau kedua-duanya; atau	Fi tahunan yang kena dibayar bagi berniaga dalam sekuriti atau berniaga dalam derivatif atau kedua-duanya, mengikut mana-mana yang berkenaan
		(iii) dalam hal jika pemegang CMSL itu juga menjalankan apa-apa jenis aktiviti	RM10,000.00 + fi tahunan yang kena dibayar bagi setiap jenis aktiviti terkawal

Butiran	(1) Perihal	(2) Jenis aktiviti terkawal	(3) Fi
		terkawal yang lain selain daripada yang dinyatakan dalam subsubbutiran (ii);	yang lain sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual ini
		(1) CMSL (individu)	RM5,000.00
8.	Fi tahunan yang kena dibayar oleh pemegang CMSRL	CMSRL	RM300.00 setiap individu

*Nota 1:*

Berkenaan dengan suatu permohonan bagi CMSL baharu yang melibatkan aktiviti terkawal pelbagai kecuali yang dinyatakan dalam subbutiran 1(c), Suruhanjaya hendaklah menentukan yang manakah daripada aktiviti terkawal itu yang akan menjadi aktiviti terkawal pertama.

*Nota 2:*

Jika pada bila-bila masa semasa tempoh sah lesennya, seseorang pemegang lesen membuat suatu permohonan untuk mengubah lesennya dengan kemudiannya menambah aktiviti terkawal atau mengubah aktiviti terkawalnya yang sedia ada, fi tahunan yang kena dibayar bagi perubahan itu hendaklah diproratakan mengikut tempoh pelesenan bagi aktiviti terkawal tambahan atau yang diubah itu yang bermula apabila kelulusan bagi perubahan tersebut diperoleh.

JADUAL 4  
[Perenggan 5(1)(b)]

Fi berkenaan dengan orang berdaftar di bawah seksyen 76 Akta

Butiran	(1) Perihal	(2) Fi
<b>Orang yang ditentukan dalam ruang ketiga Bahagian 1 Jadual 4 Akta sebagai orang berdaftar, dan wakil mereka</b>		
1.	Fi tahunan yang kena dibayar oleh orang yang ditentukan dalam ruang ketiga Bahagian 1 Jadual 4 Akta sebagai orang berdaftar	Yang kena dibayar bagi setiap jenis aktiviti terkawal sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 7 Jadual 3
2.	Permohonan untuk menjadi wakil orang yang ditentukan dalam ruang ketiga Bahagian 1 Jadual 4 Akta sebagai orang berdaftar	RM1,000.00 setiap individu
3.	Fi tahunan yang kena dibayar oleh wakil orang yang ditentukan dalam ruang ketiga Bahagian 1 Jadual 4 Akta sebagai orang berdaftar	RM300.00 setiap individu
<b>Pendaftaran orang menurut subseksyen 76(2) Akta</b>		
4.	Permohonan bagi pendaftaran sebagai perbadanan pengurusan modal usaha niaga	RM5,000.00
5.	Fi tahunan yang kena dibayar oleh perbadanan pengurusan modal usaha niaga berdaftar	RM10,000.00
6.	Permohonan bagi pendaftaran sebagai perbadanan pengurusan ekuiti persendirian	RM5,000.00
7.	Fi tahunan yang kena dibayar oleh perbadanan pengurusan ekuiti persendirian berdaftar	RM10,000.00

Butiran	(1) Perihal	(2) Fi
8.	Permohonan bagi pendaftaran sebagai agensi perkadaran kredit	RM20,000.00
9.	Fi tahunan yang kena dibayar oleh agensi perkadaran kredit berdaftar	<p><i>(a)</i> 0.3% daripada hasil kasar yang diperoleh daripada aktiviti terkawal itu; atau</p> <p><i>(b)</i> RM20,000.00,</p> <p>mengikut mana-mana yang lebih tinggi.</p>
10.	Permohonan bagi pendaftaran sebagai agensi penentuan harga bon	RM20,000.00
11.	Fi tahunan yang kena dibayar oleh agensi penentuan harga bon berdaftar	<p><i>(a)</i> 0.3% daripada hasil kasar yang diperoleh daripada aktiviti terkawal itu; atau</p> <p><i>(b)</i> RM20,000.00,</p> <p>mengikut mana-mana yang lebih tinggi.</p>
12.	Permohonan bagi pendaftaran sebagai wakil perdagangan	RM1,000.00
13.	Fi tahunan yang kena dibayar oleh wakil perdagangan berdaftar	RM300.00
14.	Permohonan bagi pendaftaran sebagai wakil yang diiktiraf di bawah Rangka Kerja Mobiliti Profesional Pas Forum Pasaran Modal ASEAN (ACMF)	RM1,000.00

Butiran	(1) Perihal	(2) Fi
15.	Fi tahunan yang kena dibayar oleh wakil yang diiktiraf di bawah Rangka Kerja Mobiliti Profesional Pas Forum Pasaran Modal ASEAN (ACMF)	RM300.00
16.	Permohonan bagi pendaftaran untuk menjalankan aktiviti terkawal jika tiada fi diperuntukkan secara khusus	RM20,000.00 bagi entiti dan RM1,000.00 bagi individu
17.	Fi tahunan yang kena dibayar oleh orang yang didaftarkan untuk menjalankan aktiviti terkawal jika tiada fi diperuntukkan secara khusus	RM20,000.00 bagi entiti dan RM300.00 bagi individu

JADUAL 5  
[Perenggan 5(1)(c)]

Fi berkenaan dengan orang yang didaftarkan di bawah seksyen 76A Akta

Butiran	(1) Perihal	(2) Fi
1.	Permohonan bagi pendaftaran sebagai penasihat Syariah (perbadanan)	RM5,000.00
2.	Permohonan bagi pendaftaran sebagai penasihat Syariah (individu)	RM 1,000.00
3.	Fi tahunan yang kena dibayar oleh penasihat Syariah berdaftar (perbadanan) atau institusi kewangan yang disifatkan sebagai penasihat Syariah berdaftar	RM5,000.00
4.	Fi tahunan yang kena dibayar oleh penasihat Syariah berdaftar (individu)	RM300.00

Butiran	(1) Perihal	(2) Fi
5.	Permohonan bagi pendaftaran sebagai pemegang amanah	RM20,000.00
6.	Fi tahunan yang kena dibayar oleh pemegang amanah berdaftar	RM20,000.00
7.	Permohonan bagi pendaftaran sebagai pusat terbitan	RM20,000.00
8.	Fi tahunan yang kena dibayar oleh pusat terbitan berdaftar	RM20,000.00
9.	Permohonan untuk pendaftaran sebagai penjaga aset digital	RM10,000.00
10.	Fi tahunan yang kena dibayar oleh penjaga aset digital berdaftar	RM10,000.00
11.	Permohonan bagi pendaftaran sebagai suatu penyedia perkhidmatan pasaran modal jika tiada fi diperuntukkan secara khusus	RM20,000.00 bagi perbadanan dan RM1,000.00 bagi individu
12.	Fi tahunan yang kena dibayar oleh suatu penyedia perkhidmatan pasaran modal berdaftar jika tiada fi diperuntukkan secara khusus	RM20,000.00 bagi perbadanan dan RM300.00 bagi individu

JADUAL 6  
[Perenggan 5(1)(d)]

Fi berkenaan dengan pendaftaran orang yang ditentukan oleh Suruhanjaya menurut garis panduan yang dikeluarkan di bawah seksyen 377 Akta

Butiran	(1) Perihal	(2) Fi
1.	Pemberitahuan kepada Suruhanjaya mengenai seseorang yang telah berdaftar dengan prinsipal sebagai wakil pengenalan	RM500.00 setiap wakil pengenalan

Butiran	(1) Perihal	(2) Fi
2.	Fi tahunan yang kena dibayar oleh wakil pengenalan	RM300.00

JADUAL 7  
[Subperaturan 5(2)]

Fi lain yang kena dibayar di bawah Bahagian III Akta

**(A) Fi berkenaan dengan dokumen, borang, dsb. berhubung dengan orang berlesen**

Butiran	(1) Perihal	(2) Fi
1.	Pengemukakan laporan tahunan bagi aktiviti yang dibenarkan untuk pemegang CMSL	RM2,000.00
2.	Pengemukakan laporan tahunan bagi aktiviti yang dibenarkan untuk pemegang CMSL (individu)	RM2,000.00
3.	Pengemukakan laporan pematuhan layak dan sesuai	RM1,000.00
4.	Pengemukakan laporan pegawai pengawasan bagi pemegang lesen sementara	RM3,000.00
5.	Pengemukakan laporan juruaudit	RM200.00
6.	Permohonan bagi pelantikan individu yang ditentukan dalam garis panduan yang berhubung dengan pelesenan atau pendaftaran di bawah Bahagian III Akta	RM2,000.00
7.	Pengemukakan profil pemegang syer individu	RM100.00
8.	Permohonan bagi perubahan pemegang syer atau pemegangan syer	RM2,000.00
9.	Permohonan bagi pengubahan prinsipal oleh wakil	RM1,000.00
10.	Permohonan bagi perubahan nama entiti	RM200.00

Butiran	(1) Perihal	(2) Fi
11.	Permohonan bagi perubahan nama perniagaan individu	RM200.00
12.	Permohonan bagi pengambilan kerja seseorang bukan warganegara Malaysia di bawah Akta (oleh prinsipal)	RM2,000.00
13.	Permohonan bagi pengambilan kerja seseorang bukan warganegara Malaysia di bawah Akta (oleh pemohon)	RM2,000.00
14.	Permohonan bagi penubuhan jendela pembrokeran saham Islam	RM1,000.00
15.	Permohonan bagi penubuhan perniagaan baharu atau pemerolehan syer atau kepentingan di dalam atau di luar Malaysia (bagi aktiviti berasaskan pasaran modal)	RM5,000.00
16.	Permohonan bagi lesen sementara	RM5,000.00
17.	Pemberitahuan pelantikan individu yang ditentukan dalam garis panduan yang berhubungan dengan pelesenan atau pendaftaran di bawah Bahagian III Akta	RM500.00
18.	Pemberitahuan perubahan pemegang syer atau pemegangan syer	RM500.00
19.	Pemberitahuan penubuhan perniagaan baharu atau pemerolehan syer atau kepentingan di dalam atau di luar Malaysia (bagi aktiviti bukan berasaskan pasaran modal)	RM1,000.00
20.	Pemberitahuan pemberhentian CMSL	RM500.00
21.	Pemberitahuan pemberhentian CMSL (individu)	RM500.00
22.	Pemberitahuan pemberhentian CMSRL	RM200.00

Butiran	(1) Perihal	(2) Fi
23.	Pemberitahuan pemberhentian pelantikan individu yang ditentukan dalam garis panduan yang berhubungan dengan pelesenan atau pendaftaran di bawah Bahagian III Akta	RM200.00
24.	Pemberitahuan pemberhentian wakil yang diiktiraf di bawah Rangka Kerja Mobiliti Profesional Pas Forum Pasaran Modal ASEAN (ACMF)	RM200.00
25.	Pemberitahuan tempat di mana daftar sekuriti disimpan	RM200.00
26.	Pemberitahuan perubahan tempat daftar sekuriti disimpan atau pemberhentian penyimpanan daftar sekuriti	RM200.00
27.	Pemberitahuan pemberhentian wakil perdagangan	RM200.00
28.	Permintaan bagi salinan lesen yang diperakui benar atau apa-apa dokumen lain	RM100.00 setiap salinan
29.	Permintaan bagi salinan cabutan daftar yang dikehendaki disimpan oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 77 Akta	RM10.00 setiap salinan
30.	Permintaan bagi salinan cabutan daftar yang diberikan oleh Suruhanjaya di bawah seksyen 88 Akta	RM10.00 setiap salinan
31.	Penyerahsimpanan apa-apa dokumen lain dengan Suruhanjaya jika tiada fi diperuntukkan secara khusus	RM500.00 setiap dokumen
32.	Pemberitahuan perubahan butir-butir individu	RM100.00
33.	Permohonan bagi pengecualian daripada kehendak Peperiksaan Pelesenan Suruhanjaya Sekuriti	RM2,000.00 setiap modul

Butiran	(1) Perihal	(2) Fi
34.	Permohonan bagi pelanjutan masa bagi pematuhan syarat yang dikenakan ke atas lesen yang diluluskan atas prinsip	RM5,000.00 setiap permohonan
35.	Permohonan bagi pelanjutan masa selain bagi pematuhan syarat yang dikenakan ke atas lesen yang diluluskan atas prinsip	RM2,000.00 bagi permohonan pertama dan RM3,000.00 bagi setiap permohonan terkemudian
36.	Permohonan bagi pengecualian atau pengubahan daripada apa-apa kehendak yang dikenakan oleh Suruhanjaya menurut Akta atau garis panduan yang berhubungan dengan pelesenan atau pendaftaran di bawah Bahagian III Akta	RM5,000.00 setiap pengecualian atau pengubahan
37.	Rayuan terhadap keputusan Suruhanjaya berkenaan dengan pemberian lesen	10% daripada fi yang kena dibayar bagi permohonan untuk pemberian lesen

**(B) Fi berkenaan dengan dokumen, borang, dsb. berhubung dengan orang berdaftar atau orang yang didaftarkan di bawah seksyen 76A Akta**

Butiran	(1) Perihal	(2) Fi
1.	Pengemukakan laporan tahunan oleh penyedia perkhidmatan pasaran modal	RM2,000.00
2.	Pengemukakan penyata kewangan teraudit atau laporan juruaudit atau laporan lain	RM200.00
3.	Pengemukakan laporan tahunan atau setengah tahunan atau suku tahunan	RM200.00
4.	Pengemukakan perisytiharan layak dan sesuai	RM1,000.00

Butiran	(1) Perihal	(2) Fi
5.	Permohonan bagi pelantikan individu yang ditentukan dalam garis panduan yang berhubungan dengan pelesenan atau pendaftaran di bawah Bahagian III Akta	RM2,000.00
6.	Pengemukaan profil pemegang syer individu	RM100.00
7.	Pemberitahuan pelantikan individu yang ditentukan dalam garis panduan yang berhubungan dengan pelesenan atau pendaftaran di bawah Bahagian III Akta	RM500.00
8.	Pemberitahuan pemberhentian pelantikan individu yang ditentukan dalam garis panduan yang berhubungan dengan pelesenan atau pendaftaran di bawah Bahagian III Akta	RM200.00
9.	Permohonan bagi perubahan keempunyaan	RM2,000.00
10.	Permohonan bagi pelantikan semula pengarah atau anggota jawatankuasa	RM500.00
11.	Permohonan bagi pengubahan jenis produk oleh pemegang amanah berdaftar	RM5,000.00
12.	Pemberitahuan perubahan keempunyaan	RM500.00
13.	Pemberitahuan pemberhentian orang berdaftar	RM500.00
14.	Pemberitahuan pelantikan semula pengarah atau ahli jawatankuasa	RM500.00
15.	Pemberitahuan perubahan profil korporat	RM100.00
16.	Pemberitahuan perubahan butir-butir individu	RM100.00
17.	Pemberitahuan penubuhan perniagaan baharu atau pemerolehan syer atau kepentingan di dalam atau di luar Malaysia (bagi aktiviti berasaskan pasaran modal)	RM5,000.00

Butiran	(1) Perihal	(2) Fi
18.	Pemberitahuan penubuhan perniagaan baharu atau pemerolehan syer atau kepentingan di dalam atau di luar Malaysia (bagi aktiviti bukan berasaskan pasaran modal)	RM1,000.00
19.	Pemberitahuan kekosongan individu sebagaimana yang ditentukan dalam garis panduan yang berhubungan dengan pelesenan atau pendaftaran di bawah Bahagian III Akta	RM200.00
20.	Penyerahsimpanan apa-apa dokumen lain dengan Suruhanjaya jika tiada fi diperuntukkan secara khusus	RM500.00 setiap dokumen
21.	Permohonan bagi pelanjutan masa bagi pematuhan syarat yang dikenakan ke atas pendaftaran yang diluluskan atas prinsip	RM5,000.00 setiap permohonan
22.	Permohonan bagi pelanjutan masa selain bagi pematuhan syarat yang dikenakan ke atas pendaftaran yang diluluskan atas prinsip	RM2,000.00 bagi permohonan pertama dan RM3,000.00 bagi setiap permohonan terkemudian
23.	Permohonan bagi pengecualian atau pengubahan daripada apa-apa kehendak yang dikenakan oleh Suruhanjaya menurut Akta atau garis panduan yang berhubungan dengan pelesenan atau pendaftaran di bawah Bahagian III Akta	RM5,000.00 setiap pengecualian atau pengubahan
24.	Rayuan terhadap keputusan Suruhanjaya berkenaan dengan pendaftaran di bawah seksyen 76 atau 76A Akta (kecuali penasihat Syariah)	10% daripada fi yang kena dibayar bagi permohonan pendaftaran
25.	Notis penarikan balik pendaftaran sebagai penasihat Syariah (individu)	RM200.00

Butiran	(1) Perihal	(2) Fi
26.	Notis penarikan balik pendaftaran sebagai penasihat Syariah (perbadanan)	RM500.00
27.	Notis perubahan anggota jawatankuasa Syariah atau pegawai Syariah penasihat Syariah (perbadanan)	RM100.00
28.	Rayuan terhadap keputusan Suruhanjaya berkenaan dengan pendaftaran sebagai penasihat Syariah	RM500.00

**(C) Fi berkenaan dengan dokumen, borang, dsb. berhubung dengan pengendali pasaran diiktiraf**

Butiran	(1) Perihal	(2) Fi
1.	Permohonan bagi perubahan pengawal pengendali pasaran diiktiraf	RM2,000.00
2.	Permohonan bagi semakan apa-apa kaedah yang dicadangkan, atau apa-apa pindaan yang dicadangkan kepada kaedah-kaedah sedia ada suatu pengendali pasaran diiktiraf	RM1,000.00
3.	Permohonan bagi mengendalikan platform pasaran sekunder	RM2,000.00
4.	Permohonan bagi menyediakan atau menjalankan aktiviti model perniagaan lain oleh pengendali pertukaran aset digital	RM2,000.00
5.	Permohonan bagi pengenalan atau penawaran produk baharu	RM2,000.00
6.	Pemberitahuan perubahan individu yang ditentukan dalam garis panduan yang berhubungan dengan pengendali pasaran diiktiraf	RM500.00

Butiran	(1) Perihal	(2) Fi
7.	Pemberitahuan bagi penubuhan perniagaan baharu atau pemerolehan syer atau kepentingan di dalam atau di luar Malaysia (bagi aktiviti berasaskan pasaran modal)	RM5,000.00
8.	Pemberitahuan penubuhan perniagaan baharu atau pemerolehan syer atau kepentingan di dalam atau di luar Malaysia (bagi aktiviti bukan berasaskan pasaran modal)	RM1,000.00
9.	Pemberitahuan perubahan butir-butir pengendali pasaran diiktiraf	RM100.00
10.	Pemberitahuan kekosongan jawatan individu yang ditentukan dalam garis panduan yang berhubungan dengan pengendali pasaran diiktiraf	RM200.00
11.	Pemberitahuan penarikan balik pendaftaran sebagai suatu pengendali pasaran diiktiraf	RM500.00
12.	Pemberitahuan apa-apa perubahan, pindaan, pengubahan atau pemotongan buku peraturan pengendali pasaran diiktiraf	RM100.00
13.	Permohonan bagi pelanjutan masa bagi pematuhan syarat yang dikenakan ke atas pendaftaran yang diluluskan atas prinsip	RM5,000.00 setiap permohonan
14.	Permohonan bagi pelanjutan masa selain bagi pematuhan syarat yang dikenakan ke atas pendaftaran yang diluluskan atas prinsip	RM2,000.00 bagi permohonan pertama dan RM3,000.00 bagi setiap permohonan terkemudian
15.	Permohonan bagi pengecualian atau pengubahan daripada kehendak di bawah garis panduan yang berhubungan dengan pengendali pasaran diiktiraf	RM5,000.00 setiap pengecualian atau perubahan

Butiran	(1) Perihal	(2) Fi
16.	Pengemukaan kertas putih untuk semakan Suruhanjaya	RM1,000.00
17.	Pengemukaan kertas putih tambahan untuk semakan Suruhanjaya	RM500.00
18.	Penyerahsimpanan kertas putih dengan Suruhanjaya	RM500.00
19.	Penyerahsimpanan kertas putih tambahan dengan Suruhanjaya	RM500.00
20.	Pengemukaan prospektus yang didaftarkan dengan pengendali pendanaan ramai ekuiti kepada Suruhanjaya bagi penyerahsimpanan	RM500.00
21.	Pengemukaan prospektus tambahan yang didaftarkan dengan pengendali pendanaan ramai ekuiti dengan Suruhanjaya bagi penyerahsimpanan	RM500.00
22.	Pemfailan pengawalseliaan – penyata kewangan teraudit	RM200.00
23.	Pemfailan pengawalseliaan – laporan pematuhan tahunan	RM2,000.00
24.	Penyerahsimpanan apa-apa dokumen lain dengan Suruhanjaya jika tiada fi diperuntukkan secara khusus	RM500.00 setiap dokumen
25.	Rayuan terhadap keputusan Suruhanjaya berkenaan dengan pendaftaran sebagai pengendali pasaran diiktiraf	10% daripada fi yang kena dibayar bagi permohonan bagi pendaftaran

JADUAL 8  
[Peraturan 6]

Fi berkenaan dengan cadangan berhubung dengan sekuriti selain debentur, sukuk, skim unit amanah dan skim pelaburan ditetapkan

Butiran	(1) Perihal	(2) Fi
1.	Tawaran awam permulaan atau penyenaian permulaan	<p>RM100,000.00 + 0.05% daripada jumlah nilai pasaran sekuriti yang hendak disenaraikan dan nilai nominal mana-mana sekuriti tambahan yang diterbitkan atau yang akan diterbitkan tetapi tidak tersenarai, tertakluk kepada amaun maksimum sebanyak RM3 juta* ditolak amaun yang dibayar bagi pengemukaan pek permohonan permulaan di bawah butiran 2</p> <p><i>*Tidak termasuk fi yang dibayar bagi semakan penilaian oleh pakar dan penilaian aset</i></p>
2.	Pengemukaan pek permohonan permulaan bagi tawaran awam permulaan atau penyenaian permulaan	RM50,000.00 setiap pengemukaan

Butiran	(1) Perihal	(2) Fi
3.	Pemerolehan atau skim penstrukturan semula yang mengakibatkan perubahan signifikan dalam haluan perniagaan atau dasar suatu perbadanan termasuk apabila pemerolehan atau penstrukturan semula itu adalah berhubung dengan pemindahan penyenaian perbadanan yang tersenarai dalam pasaran alternatif ke pasaran utama bursa saham	<p>RM100,000.00 + 0.05% daripada jumlah nilai pasaran ekuiti atau sekuriti boleh ubah yang akan diterbitkan dan jika tiada nilai pasaran, nilai nominal, tertakluk kepada amaun maksimum sebanyak RM3 juta* ditolak amaun yang dibayar bagi pengemukaan pek permohonan permulaan di bawah butiran 4</p> <p><i>*Tidak termasuk fi yang dibayar bagi semakan penilaian oleh pakar dan penilaian aset</i></p>
4.	Pengemukaan pek permohonan permulaan bagi pemerolehan atau skim penstrukturan semula yang mengakibatkan perubahan signifikan dalam haluan perniagaan atau dasar suatu perbadanan termasuk apabila pemerolehan atau penstrukturan semula itu adalah berhubung dengan pemindahan penyenaian perbadanan yang tersenarai dalam pasaran alternatif ke pasaran utama bursa saham	RM50,000.00 setiap pengemukaan
